



Zurich Takaful Malaysia Berhad
Registration No. 200601012246 (731996-H)

LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK	EZI Term
Sila baca Lembaran Pendedahan Produk sebelum anda memutuskan untuk menyertai EZI Term. Sila pastikan anda telah membaca terma umum dan syarat.	Tarikh: <dd/mm/yyyy>

Apakah produk ini?

- EZI Term merupakan Pelan Caruman Berkala Takaful Keluarga Ordinari yang menyediakan perlindungan terhadap Kematian atau Hilang Upaya Keseluruhan & Kekal (HUKK) atas semua sebab sebelum tempoh matang sijil.

Apakah konsep Syariah yang digunakan?

- **Takaful**
Berdasarkan konsep Takaful, peserta-peserta akan memberi sumbangan kepada Akaun Pelaburan Risiko Peserta (APRP) sebagai tabarru' (derma), yang mana ia akan digunakan untuk pertolongan dan bantuan bersama.
- **Wakalah**
Peserta-peserta melantik Pengendali Takaful untuk mengendalikan operasi Takaful dengan mengenakan Yuran Wakalah sebagaimana diluluskan oleh pihak berkuasa.
- **Tabarru'**
Ia adalah sumbangan yang mana peserta-peserta bersetuju mencarum, ke dalam sebuah dana khas iaitu Akaun Pelaburan Risiko Peserta (APRP). Caruman ini akan digunakan untuk bantuan bersama sekiranya Orang Yang Dilindungi ditimpa musibah.
- **Hibah**
Sekiranya terdapat pengisytiharan Lebihan* dari APRP pada setiap akhir tahun kewangan, 50% Lebihan akan dikongsi dengan Peserta yang layak berdasarkan kontrak Hibah (hadiyah).
- **Ju'alah**
Pengendali Takaful berhak mendapat insentif bersamaan dengan 50% daripada Lebihan dari APRP pada setiap akhir tahun kewangan.

Nota: *Hanya Peserta yang tidak membuat sebarang tuntutan dan/atau tidak menerima sebarang manfaat di bawah setiap jenis perlindungan di bawah Sijil semasa ianya masih berkuatkuasa.

Apakah perlindungan / manfaat yang disediakan?

- Sekiranya berlaku Kematian atau HUKK terhadap Orang Yang Dilindungi sebelum tempoh matang Sijil, 100% daripada Jumlah Perlindungan Asas yang dipilih akan dibayar, tertakluk kepada terma dan syarat dalam Sijil . Sijil akan tamat secara automatik apabila bayaran penuh tuntutan dibuat.
- Terdapat 6 pelan yang disediakan dengan Jumlah Perlindungan Asas bermula dari RM50,000 sehingga RM500,000 seperti berikut. Kelayakan bergantung kepada umur dan jantina Orang Yang Dilindungi. Mereka juga mempunyai 3 pilihan tempoh perlindungan, iaitu 5, 10 atau 15 tahun.

Pelan	Jumlah Perlindungan Asas (RM)
1	50,000
2	100,000
3	200,000
4	300,000
5	400,000
6	500,000

Manfaat-manfaat yang dibayar adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Zurich Takaful Malaysia Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

Berapakah caruman yang perlu dibayar?

- Jadual di bawah menunjukkan kadar caruman bulanan Pelan 2 (Jumlah Perlindungan Asas RM 100,000) untuk beberapa sampel umur.

Umur Kemasukan (Hari Jadi yang lepas)	Caruman Bulanan (RM)					
	Tempoh Perlindungan					
	5 Tahun	10 Tahun	15 Tahun	5 Tahun	10 Tahun	15 Tahun
	Lelaki			Perempuan		
20	30.60	32.58	33.93	27.18	28.26	29.07
30	30.96	34.92	39.42	29.52	30.60	34.92
40	42.12	52.02	67.41	39.69	48.78	60.84
50	92.61	111.42	143.37	77.67	99.09	131.49

- Jadual di atas adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja.
- Jumlah caruman anda bergantung kepada umur, jantina, jenis pelan, mod pembayaran dan tempoh perlindungan. Sila klik di sini untuk caruman yang perlu dibayar.
- Anda boleh membayar caruman anda bulanan, suku-tahunan, separa-tahunan atau tahunan, mengikut pilihan anda. Semakin kurang kekerapan pembayaran dalam satu tahun, semakin kos efektif anda dalam jangka masa panjang.
- Anda perlu membayar jumlah caruman sehingga tamat tempoh Sijil, mengikut tempoh perlindungan yang dipilih.
- Untuk menikmati perlindungan yang berterusan, anda perlu memastikan caruman anda dibayar dalam tempoh tiga-puluh-satu (31) hari dari tarikh perlu dibayar.
- Kadar caruman adalah tidak tetap. Zurich Takaful Malaysia Berhad mempunyai hak untuk menyemak kadar caruman apabila tiba masa pembaharuan dengan memberi notis dalam tempoh sembilan puluh (90) hari kepada peserta sebelum tarikh ulangtahun Sijil.

Apakah yuran dan caj yang perlu dibayar?

- Yuran Wakalah Tahunan

Tahun Sijil	% Caruman	Setiap Sijil (RM)
1	30%	50
2 & seterusnya	20%	30

Contoh:

Orang yang Dilindungi:

Ø Lelaki, Umur 30

Ø Pelan 1 (RM 50,000) – 5 tahun tempoh

Ø Caruman Tahun Pertama: RM 196

Ø Mod caruman: Tahunan

Pengiraan:

Yuran Wakalah untuk tahun sijil pertama = [30% x RM 196] + RM 50 = RM 108.80

Yuran Wakalah untuk tahun sijil kedua dan seterusnya = [20% x RM 196] + RM 30 = RM 69.20

- **Tabarru'**

Baki Jumlah Caruman setelah ditolak Yuran Wakalah akan diagihkan ke dalam APRP. Jumlah ini juga dikenali sebagai Tabarru'.

- **Komisen**

Tiada komisen akan dibayar di bawah Sijil ini.

- **Yuran Penguatkuasaan Semula – RM 50**

Apakah terma dan syarat utama yang harus saya ketahui?

- Cukai – Semua caruman dan yuran yang dinyatakan dalam dokumen ini adalah tertakluk kepada cukai atau lain – lain levi kerajaan.
- Mengikut Perenggan 5 Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013, sekiranya anda memohon Takaful ini semata-mata untuk tujuan yang tidak berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion anda, anda bertanggungjawab untuk mengambil langkah yang munasabah untuk tidak membuat salah nyata dalam menjawab soalan-soalan di dalam borang permohonan (atau ketika anda memohon Takaful ini). Anda hendaklah menjawab soalan-soalan secara penuh dan tepat. Kegagalan untuk mengambil langkah yang munasabah untuk menjawab soalan-soalan akan menyebabkan pembatalan kontrak, penolakan atau pengurangan tuntutan anda, perubahan terma atau penamatan kontrak anda. Kewajipan pendedahan di atas akan diteruskan sehingga masa kontrak takaful anda dimasuki, diubah atau diperbaharui dengan kami. Selain menjawab soalan dalam borang permohonan (atau ketika anda memohon Takaful ini), anda dikehendaki untuk mendedahkan sebarang perkara-perkara lain yang anda tahu ianya relevan dengan keputusan kami dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang digunakan. Anda juga mempunyai kewajipan untuk memberitahu kami, dengan segera sekiranya pada bila-bila masa selepas kontrak Takaful telah dibuat, diubah atau diperbaharui dengan kami, sebarang maklumat yang disediakan dalam Borang Permohonan (atau ketika anda memohon Takaful ini) tidak tepat atau telah diubah.
- Tempoh bertenang – anda boleh membatalkan Sijil dengan memulangkan Sijil dalam tempoh lima belas (15) hari kalender selepas anda menerima Sijil. Caruman yang telah dibayar (setelah ditolak sebarang yuran perubatan yang ditanggung) akan dipulangkan kepada anda.
- Perlindungan akan terhenti pada tarikh tamat tempoh dan Zurich Takaful Malaysia Berhad tidak akan bertanggungjawab bagi apa-apa perbelanjaan yang berlaku selepas tarikh tamat tempoh.

Nota: Senarai ini adalah tidak menyeluruh. Sila rujuk Sijil bagi senarai penuh terma dan syarat di bawah Sijil ini.

Apakah pengecualian utama di bawah Sijil ini?

- **Sebarang ketidakupayaan yang berlaku disebabkan oleh perkara di bawah adalah tidak dilindungi:**

- a. Perang (diisyiharkan atau tidak diisyiharkan) atau apa-apa tindakan perang, aktiviti jenayah atau pengganas, bergiat cergas dalam mana-mana angkatan bersenjata, penyertaan secara langsung atau apa-apa tindakan oleh Orang Yang Dilindungi bagi pihak atau berhubung dengan mana-mana organisasi dalam mogok, rusuhan dan kekecohan awam atau penderhakaan tentera;
 - b. Radiasi pengionan atau pencemaran melalui radioaktiviti daripada mana-mana bahan api nuklear atau sisa nuklear daripada proses pembelahan nuklear atau daripada apa-apa bahan senjata nuklear;
 - c. Melanggar atau cubaan melanggar undang-undang atau serangan yang dimulakan oleh Orang Yang Dilindungi;
 - d. Penyalahgunaan alkohol dan/atau pengambilan dadah;
 - e. Penerbangan, luncur udara atau lain-lain bentuk penerbangan udara selain daripada sebagai juruterbang, krew kabin atau sebagai penumpang yang membayar tambang melalui syarikat penerbangan yang diiktiraf atau dalam penerbangan berjadual;
 - f. Menyertai atau berkursus untuk sebarang sukan yang berbahaya atau menyertai pertandingan atau menunggang dalam mana-mana perlumbaan atau pertandingan;
 - g. Penglibatan dalam aktiviti bawah air yang memerlukan penggunaan alat-alat pernafasan;
 - h. Perkhidmatan tentera pada masa peperangan yang diisyithar atau tidak atau semasa berada di bawah arahan untuk operasi berupa peperangan atau pemulihan pemerintahan awam;
 - i. Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit (AIDS) atau infeksi Virus Human Immunodeficiency (HIV) atau penyakit berkaitan;
 - j. Memasuki, mengendali atau berkhidmat, naik atau turun, dari atau dengan mana-mana pesawat udara atau kenderaan kecuali semasa Orang Yang Dilindungi berada di dalam penerbangan awam komersial yang mengikut jadual perjalanan biasa di laluan penumpang tetap.
- EZI Term tidak memberi perlindungan Kematian akibat membunuh diri dalam tempoh satu (1) tahun dari Tarikh Permulaan Sijil atau Tarikh Penguatkuasaan Semula, yang mana terkemudian, sama ada Orang Yang Dilindungi waras atau tidak waras.

- Selain itu, pelan ini juga tidak memberi perlindungan kematian akibat Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit (AIDS) atau infeksi Virus Human Immunodeficiency (HIV).

Nota: Senarai ini adalah tidak menyeluruh. Sila rujuk Sijil Takaful untuk senarai penuh pengecualian di bawah pelan ini.

Bolehkah saya membatalkan / menyerahkan Sijil ini?

- Ya, anda (Peserta) boleh membatalkan sijil pada bila-bila masa dengan memberikan notis bertulis kepada kami.
- Jika anda memilih untuk membatalkan sijil ini selepas Tempoh Bertenang, anda hanya akan dilindungi di bawah sijil ini sehingga tarikh caruman seterusnya perlu dibayar. Tiada nilai tunai yang akan dibayar dan tiada Caruman yang telah dibayar akan dikembalikan. Apabila serahan dibuat, pelan ini akan tamat.

Apakah yang perlu saya lakukan jika terdapat perubahan pada butiran perhubungan/maklumat peribadi saya?

Adalah penting bagi anda memaklumkan kepada Zurich Takaful Malaysia Berhad jika terdapat sebarang perubahan dalam profil kehidupan anda termasuk pekerjaan dan maklumat peribadi yang akan menjelaskan profil risiko dan juga butiran perhubungan anda bagi memastikan semua surat-menyrat dapat diserahkan kepada anda dalam tempoh yang sepatutnya.

Di manakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?

- Jika anda memerlukan maklumat lanjut mengenai takaful keluarga, sila rujuk buku insuranceinfo mengenai 'Takaful Keluarga', yang boleh didapati di semua cawangan kami atau layari www.mycoverage.com.my.
- Sekiranya anda ingin mengetahui lebih lanjut mengenai EZI Term sila rujuk kepada risalah EZI Term yang boleh didapati di semua cawangan kami atau layari www.zurich.com.my.
- Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di:

Zurich Takaful Malaysia Berhad
Level 23A, Mercu 3,
No.3, Jalan Bangsar,
KL Eco City, 59200 Kuala Lumpur

Tel : 1-300-888-622
 : 03-2109 6000
Fax : 03-2109 6888
E-mail : callcentre@zurich.com.my

Jenis perlindungan lain yang serupa

Sila hubungi kami jika anda berminat untuk mengetahui terdapatnya produk lain yang serupa bagi perlindungan Takaful.

NOTA PENTING:

PENYERTAAN DALAM PELAN TAKAFUL KELUARGA MERUPAKAN KOMITMEN KEWANGAN JANGKA PANJANG. ANDA HARUS MEMILIH JENIS SIJIL YANG BERSESUAIAN DENGAN KEADAAN ANDA. ANDA HENDAKLAH MEMBACA DAN MEMAHAMI SIJIL TAKAFUL DAN BERBINCANG DENGAN KAKITANGAN KHIDMAT PELANGGAN/EKSEKUTIF OPERASI CAWANGAN ATAU MENGHUBUNGI ZURICH TAKAFUL MALAYSIA BERHAD UNTUK MAKLUMAT LANJUT.

Zurich Takaful Malaysia Berhad didaftarkan di bawah Akta Pekhidmatan Kewangan Islam 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

Maklumat yang disediakan dalam lembaran pendedahan ini adalah sah pada 29 Ogos 2019 sehingga semakan semula dilakukan.